

03/05/1997

Peluang niaga Selatan luas: PM

Haniff Hadi in Blantyre (Republik Malawi)

BLANTYRE (Republik Malawi), Jumaat - Negara-negara Selatan tiada pilihan kecuali menjalin kerjasama jika mahu memajukan perdagangan dan bidang ekonomi lain bagi faedah bersama, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, tahap perdagangan masa kini dan jumlah barangan yang diperdagangkan adalah kecil serta tidak mencerminkan potensi sebenar bagi perdagangan dua hala antara negara-negara Selatan.

"Ruang bagi memperluaskan perdagangan dua hala adalah luas. Kerana itu, Malaysia amat aktif menggalakkan sektor swastanya berdagang dan melabur di Selatan untuk memainkan peranan dalam pembangunan ekonomi negara-negara itu," katanya ketika menghadiri pertemuan usahawan Malaysia dan Malawi di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata, usahawan Malaysia sudah pun menyambut seruan kerajaan dan dengan semangat itu, mereka datang ke Malawi hari ini.

Syarikat Malaysia sudah meneroka pasaran Selatan dan menimba banyak pengalaman dalam urusan perbankan, pembinaan lebuhraya, perumahan dan perhotelan, bekalan tenaga, penerokaan minyak dan galian serta telekomunikasi.

Malaysia, katanya, sedia bekerjasama dengan usahawan Malawi dalam bidang itu.

Usahawan Malaysia juga berminat melabur secara langsung dalam 18 projek yang diswastakan oleh pihak berkuasa Malawi atau memegang ekuiti dalam 140 perusahaan yang dikuasai Kerajaan Malawi tetapi dibuka kepada penyertaan asing.

Menurutnya, faktor sejarah dan geografi mungkin menjadi penyebab hubungan dua hala di antara Malawi dan Malaysia begitu terhad tetapi dengan komunikasi yang bertambah sempurna, satu lembaran baru boleh diwujudkan.

Malawi dan Malaysia mengamalkan sistem pasaran bebas dengan pihak swasta memainkan peranan utama dalam ekonomi negara masing-masing. Kerana itu pertemuan usahawan kedua-dua negara boleh membuka peluang untuk merangka strategi bagi kepentingan bersama.

"September lalu, Presiden Dr Bakili Muluzi mengetuai delegasi Kabinet dan usahawan Malawi ke Malaysia. Saya harap pertemuan di Blantyre ini akan menyemarakkan lagi hubungan yang kita jalin itu.

"Saya gembira kerana sudah ada kerjasama perniagaan dijalin di antara Malawi dan Malaysia. Sebagai contoh, Telekom Malaysia sudah melabur di sini dalam bidang telekomunikasi selular GSM dengan ekuiti besar bersama Telekom Networks Malawi," katanya.

Sebuah syarikat Malaysia G-Two Holdings Berhad pula menjalin kerjasama dengan Perbadanan Kemajuan Malawi (MDC) untuk membina rumah kos rendah, hotel serta meninjau peluang dalam penjana kuasa dan membina pusat perangan.

Dr Mahathir juga berkata, Malaysia berhajat memindahkan beberapa industri yang menggunakan jumlah tenaga kerja besar ke Malawi untuk membolehkan rakyat Malawi mendapat pekerjaan dengan gaji berpatutan.

Apabila Malaysia memulakan industrialisasi, ia memusatkan tumpuan kepada usaha mewujudkan peluang pekerjaan dan hari ini, Malaysia kekurangan tenaga pekerja dan perlu memindahkan industri yang memerlukan tenaga kerja yang ramai ke negara luar.

(END)